

PENGHARGAAN

Kementerian Kewangan • Pusat Pelancongan Malaysia •
Istana Budaya • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur • Media Massa •
Tenaga Pengajar ASK • Pelajar-pelajar ASK • Majlis Perwakilan Pelajar ASK •
Bentley Music Sdn Bhd

Terima Kasih




أكاديمية سني كڤڤساان

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN

"Pick-Up-the-Pieces"

 1- 2 September 2001

 8.30 malam

 Auditorium Mini,
Pusat Pelancongan Malaysia

“PICK-UP THE PIECES”

adalah persembahan muzik oleh tenaga pengajar dan pelajar Akademi Seni Kebangsaan. Repertori muzik merangkumi muzik tradisional, klasik, jazz, latin dan kontemporari.

OBJEKTIF

Memberi peluang dan ruang kepada masyarakat untuk menikmati bakat pensyarah-pensyarah Program Muzik Akademi Seni Kebangsaan.

Menyuntik semangat bekerjasama diantara pensyarah dan pelajar Program Muzik.

Sebagai satu proses pembelajaran kepada pelajar mengenai proses persediaan sesebuah persembahan.



REPERTORI PERSEMBAHAN

ROSDAN ABBAS (guitar)

1. Medley of Flamenco Pieces
(gubahan/ arranged by Rosdan Abbas)
2. Di Manakan Ku Cari Ganti - Tan Sri P. Ramlee
(gubahan/ arranged by Rosdan Abbas)

AZNUL HAIDI (music sequence)

1. Meant To Be
(komposisi/ composed by Aznul Haidi)
2. Instrumental 'No Name'

Penyanyi / singer **JUANITA ISMAIL**

JAMES BOYLE (modern piano)

1. Summertime
2. Mambo Inn

Diiringi oleh/accompanied by : **SHAMSUL ZIN * ISMAIL AHMED* FUNG YEE * ADRIANE NICOLAS PALIKAT**

ROSDAN ABBAS & JAMES BOYLE

1. There Will Never Be Another You



NG MEI FONG & YONG JOH LIN (classical piano duet)

1. HUNGARIAN DANCES no 4 & 5

ISYAM SWARDY (guitar)

1. Mocha Spice - Emily Remler
2. WHO TOOK YOU SO LONG - Emme Bunton

Diiringi oleh/accompanied by : **ROZARIO * HADI MASWARDI * ADRIANE NICOLAS PALIKAT**

NASIR YUSOF * IBRAHIM SENIK *

ISMAIL MAMAT * KAMRULBAHRI HUSIN (wayang kulit ensemble)


1. Bertaboh
2. Lagu Main Alon
3. Maharaja Wana/Rawana
4. Memburu
5. Maharisi

Diiringi oleh/accompanied by : **SHAMAINE OTHMAN * ARBAIAH AHMAD NADZRI * MOHD ADLI ABU JAZID JAVIS * KHAIRUL ANUAR MOHD RAMLI * MOHD KHAIRUL ANUAR MOHD RAMLI * FADZIL AHMAD**

SYAFINAZ SELAMAT (vocal)

1. Die Zauberflote - Der Holle Rache - Mozart

Diiringi oleh/accompanied by : **YONG JOH LIN**



6

FADZIL AHMAD (*gambus*)

1. Sirih Pinang
2. Zapin Merind
3. Kerana Lirikmu
4. Air Mata Hati
5. Cenderawasih
6. Embun Dirumput

Penyanyi / singer **JAMEI CHIK**

Diiringi oleh/accompanied by : **SHAMSUL ZIN * SHUHAREZUAN RAMLI * KAMRULBAHRI HUSIN * ISMAIL AHMED**

DR. TAKAHISA OTA (*flute*)

1. Dinic - Hora Staccato

Diiringi oleh/accompanied by : **WONG POH LEE * JOSEPH**

KHAIFIZA ABDUL HALIM (*vocal*)

1. La Traviata - Ah, Forse è lui Che L'anima - Verdi


TAY YING JYE (*harp*)

1. Prelude no. 2 - Marcel Gradjany
2. Passacaille - G.F. Handel

Diiringi oleh/accompanied by : **WONG POH LEE**

TAY YING JYE & ROZARIO GHULAM RASUL (*Piano duet*)

1. Dolly op: 56 - no.3 : le jardin de dolly



7

KAREN CHOY & NG YUET SUM (*piano & vocal*)

1. Love, Look away from Flower Drum Song
2. Dreamer

WONG POH LEE & TAY YING JYE (*piano duet*)

1. Dolly op. 56 - no . 4 - kitty - valse

RAHIM JANTAN & IZZAD IZZUDDIN BORHAN (*vocal*)

1. Zapin Budi

Diiringi oleh/accompanied by : **KUMPULAN ASIKA**

MOHD KHAIR ABDUL LATIFF (*modern guitar*)

1. Triste
2. I'll wait for you - Michelle Legrand

Penyanyi / singer : **ROHIMI SOBENG**

MUZAED RAHBINI (*guitar*)


1. HARI YANG CERIA

Diiringi oleh/accompanied by : **ISYAM SWARDY DAUD * ANAS SALLEH RAHBINI * ADRIANE NICHOLAS PALIKAT * MARDIANA RAHBINI**


ROSDAN ABBAS & MUZAED RAHBINI (*guitar duet*)

AUTUMN LEAVES Jonny Marcer

Diiringi oleh/accompanied by : **HAMDAN ADNAN** (*clarinet*)



8



RAHBENI MUTAAL (*tak lempong ensemble*)

1. Kelok Sembilan - folk song
2. Medley - Atiak Denai * Mudiak Arau - folk song

*Diiringi oleh/accompanied by : ANAS SALLEH * MUZAED RAHBINI * MARDIANA RAHBINI * ADRIANE NICHOLAS PALIKAT * ZAMZHARDI*

ROZARIO GHULAM RASUL (*piano*)

1. STRAIGHT , NO CHASER
2. SPAIN - Chick Corea

*Diiringi oleh/accompanied by : ROSDAN ABBAS * ISYAM SWARDY DAUD * HADI MASWARDI * SHAMSUL ZIN * HAMDAN ADNAN*

RAMLAN IMAM * ZAHID AHMAD * MOHD KHAIR LATIFF * JAMES BOYLE

1. LOOKING UP - Michel Petruciani

SHIREEN JASIN MOKHTAR * ADRIANE NICHOLAS PALIKAT

1. CARIBLUE - Siegfried Fink(Duet - Marimba dan Vibraphone)

*Diiringi oleh/accompanied by : ISYAM SWARDY DAUD * YURI EDRIS **

2. YOU CAN COUNT ON ME - Sypro Gyra (Marimba)

*Diiringi oleh/accompanied by : ANAS SALLEH RAHBINI * HADI MASWARDI * ADI SYUKRAN * ROZARIO GHULAM RASUL*

9



KUMPULAN ASIKA

Ismail Ahmad * Shuharezuan * Izzad Izzuddin * Shamsul Zain * Anas Salleh Rahbeni * Rohaizaa Dulmat * Bahizal Abu Bakar * Mohd. Kamrul Bahri * Gilbert Jim Lajim * Nor Hazlinda Haramaini * Mustakim Yusof * Azman @ Mohd Nor *

1. INANG BUJANG DAN DARA
2. CANGGUNG

JEFFREY YONG (*classical guitar*)

1. CAPPHICO ARABE
2. CHORUS (*segreras*)

JEFFREY YONG & ROSDAN ABBAS (*guitar duet*)

LATIN MEDLEY



DR TAKAHISA OTA

Berkelulusan dari Waseda Universiti, Jepun dan mendapat Ijazah Kedoktoran dari Universiti Sommerset, Belgium. Pernah memenangi hadiah pertama dalam Pertandingan Orkestra Amatur Dunia anjuran Herbert von Karajan. Pemain flute utama bersama Orkestra Simfoni Shin dan beberapa orkestra terkenal di Jepun. Mempelajari latihan kepimpinan orkestra dari konduktor Jepun, Shigenobu Yamaoka. Dr. Ota merupakan konduktor jemputan Orkestra Simfoni Kebangsaan dan pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan dalam bidang konduktng dan flute.

AZNUL HAIDI MOHD. AZMI

Mempunyai sarjana muda muzik dari Berklee College Of Music, Boston dalam bidang gubahan muzik Komersial. Pernah bekerja di Penerbangan Malaysia dan Ambang Klasik, TV3. Memenangi anugerah Lagu Melayu Terunggul 1998 dari Malaysia Authors Copyright Protection (MACP) bagi lagu "Bila Resah" nyanyian Anuar Zain. Beliau juga adalah seorang komposer, penggubah dan penerbit bebas. Pernah menulis lagu untuk artis-artis popular seperti Amy Mastura, Shawn Bahrin, Kumpulan Senario, Anis Soraya dan banyak lagi. Di Akademi Seni Kebangsaan beliau mengajar Teori & Harmoni, gubahan dan Harmoni & Komposisi.

SYAFINAZ SELAMAT

Pemegang Ijazah Muzik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau telah mengadakan banyak persembahan vokal solo di Malaysia, Singapura dan Korea dan merupakan jurulatih vokal dan konduktor bagi Koir Kebangsaan. Bertugas sebagai pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan dan Universiti Teknologi MARA dalam bidang vokal dan "lyrics diction" (International Phonetic Alphabets - IPA)

CHE MOHD. NASIR YUSOFF

Berpengalaman dalam bidang Perdalangan Wayang Kulit selama 35 tahun. Pernah berkecimpung dalam bidang kesenian seperti Mak Yong, Main Puteri, Dikir Barat dan Manora. Mula bertugas di Kompleks Budaya Negara, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sejak tahun 1980 dan sekarang bertugas sebagai tenaga pengajar dalam bidang Wayang Kulit. Berpengalaman mengadakan persembahan di Malaysia dan luar negara. Beliau pernah menerima tauliah (Perlimau Guru) dari Allahyarham Hamzah Awang Amat, Seniman Negara Pertama pada tahun 1996.

ISMAIL MAMAT

Pernah menjadi pemuzik dalam kumpulan wayang kulit Allahyarham Hamzah Awang Amat. Berguru dengan Dalang Awang Lah. Bergiat dalam pembuatan alat muzik serunai, tetawak, kesi dan gedombak. Mengendalikan kursus-kursus anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Menjadi Tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan dalam bidang muzik Wayang Kulit.

RAHBENI MUTAAL

Beliau pernah bertugas sebagai jurulatih muzik dan tari di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada tahun 1969 hingga 1983. Menjadi ahli muzik Orkestra Simfoni Muda pada tahun 1975 hingga 1988. Berpengalaman menjadi jurulatih muzik dan tari di Universiti Malaya dan mengadakan persembahan kesenian di dalam dan luar negara. Pernah mengikuti kursus Tak Lempong di Sumatera dan pada tahun 1994 hingga sekarang menjadi tenaga pengajar Tak Lempong di Akademi Seni Kebangsaan.

RAHIM @ MOHD. NOR BIN JANTAN

Merupakan Ketua Muzik Tradisional di Jabatan Kebudayaan PETRONAS. Pernah menjadi jurulatih Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Melaka. Beliau juga merupakan penggerak Bridget Seni Negeri Melaka dan pernah menjadi pemuzik di Kompleks Budaya Negara. Merupakan seorang penyanyi rakaman lagu-lagu asli. Beliau menjadi tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan dalam bidang vokal tradisional pada tahun 1996.

FADZIL AHMAD

Merupakan pemain gambus yang terkenal di Malaysia. Beliau bergiat dalam muzik Ghazal pada tahun 1959 dengan Kumpulan Ghazal Sri Penambang Muar, menjadi pemimpin Kumpulan Setia Ghazal Muar pada tahun 1962 dan menganggotai Kumpulan Sri Maharani Ghazal pada tahun 1968. Pernah bertugas sebagai jurulatih di Kompleks Budaya Negara pada tahun 1975 hingga 1994. Menjadi tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan bagi kursus alat muzik gambus.

IBRAHIM SENIK

Beliau pernah bertugas di Kompleks Budaya Negara pada tahun 1981 hingga 2000. Merupakan pemain rebab dan serunai dalam produksi teater tradisional Mak Yong dan Wayang Kulit anjuran Akademi Seni Kebangsaan. Memenangi tempat pertama dalam pertandingan Serunai dan tempat kedua dalam pertandingan Rebab anjuran Kementerian Belia dan Sukan. Berpengalaman mengadakan persembahan di Malaysia dan luar negara. Pada tahun 1994 beliau dilantik menjadi tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan sehingga kini.

KAREN CHOY

Lulusan B.A. Hons dalam bidang muzik di Kingston University, United Kingdom dalam bidang komposisi dan persembahan. Pernah memenangi persembahan terbaik dalam Piano Recital di Kingston Universiti. Komposisi beliau "Mung Sing se Fun" pernah dipersembahkan di Majlis Konvokesyen Singapore La Salle Sia College of the Arts dan komposisi "Rediculous Dream" di persembahkan di Ensemble of Residence di Kingston University, United Kingdom. Sekarang menjadi tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan dalam bidang Teknik Komposisi dan Sejarah Muzik.

YONG JOH LIN

Lulusan BA Hons, LRSM (Piano Performance) di Universiti Cambridge, United Kingdom dan "Specialist Musician" di Wells Cathedral United Kingdom. Pernah memenangi Music Bursary (1986 hingga 1990), Sixth Form Exhibition (1990) Cambridge Commonwealth Trust Bursary (1990-1993). Sekarang menjadi pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan dalam bidang alat muzik piano.

NG MEI FONG

Mempunyai kelulusan Ijazah dalam bidang muzik pada tahun 1991 di State University of New York, Baffalo. Pada tahun 1993 mendapat sarjana di University of Illinois, Amerika Syarikat. Sebagai pemain piano dalam teater "My Fair Lady" pada tahun 1993 di Amerika Syarikat dan pernah mengadakan persembahan piano solo. Berpengalaman bekerja di Byerly Music selama 3 tahun dan Universiti of Illinois, Amerika Syarikat selama 2 tahun. Menjadi tenaga pengajar alat muzik piano di Akademi Seni Kebangsaan semenjak ASK ditubuhkan.

JAMES PHILIP SHENG BOYLE

Merupakan anak tunggal mendiang Jimmy Boyle iaitu pencipta dan penggubah lagu yang terkenal dengan lagu "Putera Puteri". Lulusan Berklee College Of Music. Berpengalaman sebagai pemuzik di Penang State Symphony Orchestra, International Jazz Band - Asia Beat dan persembahan "Akar Umbi" pada tahun 1993 hingga 1995. Pernah bermain piano di rancangan talk show Metrovision, Lite "N" Up (1995), sebagai komposer dan penulis lagu di Ambang Klasik TV3 (1997). Sekarang beliau menjadi pensyarah alat muzik piano jazz di Akademi Seni Kebangsaan.

HAMDAN ADNAN

Lulusan bidang pendidikan muzik di California State University, Amerika Syarikat. Alat muzik utama beliau adalah clarinet dan beliau merupakan ahli muzik di California State University Wind Ensemble dan pernah mewakili Amerika Syarikat dalam Konvensyen Kedua "World Association Of Symphonic Band and Ensemble" di Belgium. Beliau pernah mengajar muzik di Garden International School dan UiTM. Sekarang berkecimpung dalam bidang perniagaan teknologi Muzik di samping menjadi pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan bagi kursus Teori Midi dan Sekuan.

KHAIFIZA ABDUL HALIM

Lulusan Ijazah muzik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang vokal. Menjadi ahli Koir Kebangsaan sejak tahun 1996 dan menjadi jurulatih serta konduktor "Koir Junior". Tenaga pengajar dalam bidang vokal di Akademi Seni kebangsaan dan UiTM.

ZAHID AHMAD

Beliau merupakan seorang pemain drum professional dan pernah mengiringi persembahan dan "sessionist" bagi album Sheila Majid, Zainal Abidin dan banyak lagi. Menjadi tenaga pengajar bagi alat muzik drums di Akademi Seni Kebangsaan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

JEFFREY YONG CHIN HOE

Berpengalaman mengajar selama 24 tahun bagi alat muzik gitar. Menjadi tenaga pengajar dan pemeriksa di YAMAHA Music. Berjaya menjadi johan dalam "Malaysian Gitar Festival" pada tahun 1982. Pernah mengadakan persembahan di dalam dan luar negara. Berkecimpung dalam pembuatan alat muzik gitar sejak tahun 1984 dan telah membuat gitar untuk Phil Collin, UB40, Inss Group, Richard Smith (USA), Slav Simonic (Kanada), Steve Travato (USA) dan pemuzik tempatan. Disamping membuat perniagaan membuat gitar beliau menjadi tenaga pengajar gitar klasik di Akademi Seni kebangsaan.

ROSDAN ABBAS

Berkecimpung dari Berklee College Of Music, Boston. Pengalaman mengajar di Lexington High School di Boston selama 1 tahun. Pernah mengajar di International College Of Music (ICOM) selama 3 tahun sekembali dari Amerika Syarikat. Berpengalaman mengadakan persembahan berkumpulan dan solo di Amerika Syarikat dan Malaysia. Sekarang menjadi pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan bagi kursus Latihan Pendengaran dan Teknik Improvisasi.

MOHD KHAIR ABDUL LATIF

Beliau merupakan pemain gitar dan penggubah muzik yang bertugas di Jabatan Kebudayaan PETRONAS. Pernah membuat rakaman muzik dan terlibat dalam program di RTM. Menjadi pemuzik jemputan dalam persembahan antarabangsa dan tempatan. Sekarang menjadi pensyarah sambilan di Akademi Seni Kebangsaan dan International College Of Music (ICOM) bagi alat muzik gitar.

SHIREEN JASIN MOKHTAR

Lulusan Diploma Muzik Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 1998. Pernah menganggotai "Penang Youth State Orchestra" sebagai pemain timpani. Satu-satunya peserta wanita dalam Pertandingan Akhir "Komposer" anjuran TV3 dalam tahun 1998 dan berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan tersebut. Sekarang beliau bertugas di Tanco Resort sebagai Penyelarasan Program Muzik dan merupakan tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan dalam bidang perkusi.

NG YUET SUM

Lulusan Diploma Muzik Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 1999. Pernah terlibat dalam berbagai produksi anjuran Akademi Seni Kebangsaan. Menjadi tenaga pengajar di Sekolah Muzik YAMAHA dan sebagai pengiring piano bagi pelajar muzik di Akademi Seni Kebangsaan.

MOHD. KAMRULBAHRI HUSIN

Lulusan Diploma Muzik Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 2001. Alat perkusi merupakan bidang pengkhususan beliau. Pernah bertindak sebagai Pengarah Muzik bagi pementasan teater moden/tradisional anjuran Akademi Seni Kebangsaan dan produksi luar. Bergiat sebagai pemuzik bebas dan pernah menyertai "International Dance Festival" di Hong Kong dan "Asean Arts Camp" di Manila, Filipina. Menjadi jurulatih muzik Wayang Kulit di Akademi Seni Kebangsaan dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

ISYAM SWARDY DAUD

Lulusan Diploma Muzik Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 2001. Pernah menjadi pemuzik di kelab-kelab malam sekitar Kuala Lumpur. Menjadi juara Gitar Ensemble 1996 anjuran YAMAHA dan menjadi Pengarah Muzik bagi pementasan teater moden/tradisional anjuran Akademi Seni Kebangsaan dan produksi luar. Mewakili Malaysia ke "Asean Arts Camp" di Manila, Filipina. Pada tahun 1998 membuat rakaman album untuk Kumpulan Success. Menjadi tenaga pengajar dalam kursus gitar moden di Akademi Seni Kebangsaan.

WONG POH LEE

Lulusan Diploma Muzik Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 2001. Mempelajari piano dibawah bimbingan Cik Yong Joh Lin dan flute dibawah bimbingan Dr Takahisa Ota. Pernah mengadakan persembahan solo piano bagi "No Black Tie" dan merupakan ahli muzik Orkestra Simfoni Muda sebagai pemain flute dan pemain piano. Menjadi pengiring piano bagi pelajar muzik di Akademi Seni Kebangsaan.

KUMPULAN ASIKA

Kumpulan ini telah mewakili Akademi Seni Kebangsaan dalam Pertandingan Akustika Nusantara 2001 anjuran Universiti Putra Malaysia pada 6 dan 7 Julai 2001 dan memenangi hadiah Naib Johan dan Kreativiti Terbaik. Pengasas bagi kumpulan ini adalah Ismail Ahmed, Shamsul Zin, Shuharezuan Ramli, Isyam Swardy Daud, Anas Saleh Rahbeni dan Kamrulbahri Husin.



JAWATANKUASA PENGELOLA Organizing Committee

Penaung

YB Dato' Abdul Kadir b Hj Sheikh Fadzir
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Malaysia

Penasihat

YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Malaysia

Pengerusi

Puan Norliza Rofli
Pengarah
Akademi Seni Kebangsaan

Timbalan Pengerusi

Encik Ramlan Mohd. Imam
Ketua Program Muzik
Akademi Seni Kebangsaan

Setiausaha

Puan Raja Nor Sheela Raja Aziddin
Encik Mohd. Amir Hakim Mohd. Yusof

Pengurusan dan Kewangan

Puan Nor Aliza Ahmad
Encik Addly Abdul Karim

Publisiti/Pemasaran dan Jemputan/Sambutan

Cik Norizah Arshad
Cik Melah Khalid
Cik Dayang Siti Hujeimah Abang Julhi
Puan Thalathiah Awang
Cik Nor Aziah Md Kassim
Cik Rohsenai Lizei Nadzir
Puan Siti Fatimah Othman
Cik Hashimah Abd. Kasim
Encik Baharuddin Ramli
Cik Rozihani Mohamad
Cik Noraini Harun
Encik Zuzairi Othman

Penyelarasan Persembahan

Puan Raja Nor Sheela Aziddin
Encik Mohd. Amir Hakim Mohd. Yusof
Cik Juanita Ismail
Cik Rohimi Sobeng
Encik Mustakim Yusof
Cik Amira Sariyati Mohd Hatta
Encik Shahrizan Sahamat

Kebajikan/Makan Minum dan Pengangkutan

Puan Zailiena Mohd. Razali
Encik Addly Abdul Karim
Puan Siti Fatimah Othman
Encik Azman @ Mohd Nor Muhamuddin
Encik Perimus Igau

Teknikal - Audio/Lampu

Encik Roslee Ahmad
Encik Jali Nazri Jaafar
Encik Mohd Kharizul Yaakub
Encik Hadi Maswadi Mohamad Amin



Dokumentasi

Encik Ahmad Hamzah
Encik Wan Mansor Yusof
Encik Mohd Khairul Anuar Ramli
Encik Gilbert Jim Lajim

JAWATANKUASA PRODUKSI

Penyelaras Produksi

Puan Raja Norsheela Raja Aziddin
Cik Juanita Ismail
Cik Rohimi Sobeng

Pengarah Artistik

Encik Ramlan Mohd. Imam
Encik Nik Mustapha Nik Saleh

Pengarah Teknikal

Encik Hamdan Adnan

Pengurus Panggung

Encik Rosdan Abbas

Pengurus Produksi


Encik Aznul Haidi

Pengurus Pentas

Encik Rahbeni Mutaal

Penolong Pengurus Pentas

Encik Anas Saleh Rahbeni
Encik Adi Syukran
Cik Adriane Palikat



Pereka Cahaya

Encik Azizul Zahid Jamal

Pembantu Teknikal

- Lampu/ - Encik Baharuddin Baharin Ramli
- Video - Encik Haji Wan Mansor
- Video - Encik Mohd. Kairul Anuar Ramli
- Audio - Encik Jali Nazri
- Audio - Encik Mohd. Kharizul Yaakub

Krew

- Encik Jezzriq Eddie Kismilardy
- Encik Damian S. Manson
- Encik Muhamad Zaki Abu Jazid Javis
- Encik Muhamad Adli Abu Jazid Javis
- Encik Zamzahardi Mohd. Zambrin
- Encik Mohd. Fakharuddin Mohd. Bakar
- Encik Alphonso Albert Sabadun
- Encik Mohd. Rashdan Abdul Aziz



OBJEKTIF

Menyediakan peluang dan ruang kepada penganjur seni untuk mengikuti latihan secara formal dalam bidang seni ke arah melahirkan karyawan dan seniman yang mantap, berilmu dan profesional.

Akademi Seni Kebangsaan merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang bertujuan menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang berwibawa di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara. Pada prinsipnya Akademi Seni Kebangsaan menumpukan pendidikan seni ke arah mengeluarkan "performers" yang profesional dan berilmu. Penekanan pembelajaran diberi kepada pendidikan amali bagi memastikan pelajar mencapai kemahiran yang tinggi. Siswazah Akademi Seni Kebangsaan adalah diharapkan dapat menampung keperluan tenaga mahir dalam bidang kesenian dan kemahiran ini dapat mengisi keperluan tenaga profesional seperti anggota orkestra, pencipta, penggubah, pelakon, penulis skrip, pendidik seni serta lain-lain kerjaya yang berkaitan dengan industri seni.

FUNGSI-FUNGSI UTAMA

- Melahirkan golongan karywan dan artis yang berilmu dan profesional.
- Menambah bilangan penggiat seni yang mampu menjadi pemimpin dan penggerak yang berkesan dalam usaha membangunkan industri kesenian negara.
- Menyediakan bakal pengkaji dan pendidik dalam bidang kesenian.
- Menjadi sumber rujukan dan pusat etnologi seni.
- Menjadi pusat kajian, penyelidikan dan eskperimen seni.

Sistem Modular

Akademi Seni Kebangsaan menjalankan program pengajian Diploma secara berperingkat yang dikenali sebagai 1 + 2, iaitu tahun pertama untuk pengajian bertahap sijil dan disusuli oleh dua tahun untuk Diploma.

Program Akademik di Akademi Seni Kebangsaan dilaksanakan melalui sistem modular. Sistem modular adalah suatu konsep pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan pilihan pelajar mengikut minat, bakat dan kecenderungan mereka dengan dikawalselia oleh program pengajian. Di bawah sistem modular, kandungan pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan oleh setiap program pengajian seni terdiri daripada beberapa modul. Setiap modul merupakan gabungan

pelbagai tahap pembelajaran yang boleh diambil secara terpisah pada sesuatu masa tertentu dan disambung pada waktu yang lain bagi tujuan penyudahan. Kurikulum program-program di Akademi Seni Kebangsaan dilaksanakan secara bersepadu bagi membenarkan pelajar menyokong bidang pengkhususan dengan kursus-kursus dari program lain. Pengambilan kursus-kursus elektif di luar program utama ini akan menambah kemahiran pelajar dan membuka prospek pekerjaan yang lebih luas.



Modul Teknologi Instrumen
(Aliran Major pembuatan Alai Musik
Modul ini membekalkan kepada penuntut dan penuntut elit pengajaran
Melayu alat beralai, alat muzik dan alai-alai yang berlainan

PROGRAM MUZIK

Program Muzik mempunyai empat modul, iaitu:-

1. Modul Persembahan

lanya dibahagikan kepada Muzik Tradisional Melayu dan Muzik Barat (Klasik, Moden dan Jazz) yang mempunyai aliran iaitu:-

- 1.1) Aliran Major bagi Muzik Tradisional Melayu
 - i) instrumental
 - ii) vokal

- 1.2) Aliran Major bagi Muzik Klasik Barat
 - i) instrumental
 - ii) vokal
 - iii) kibod

- 1.3) Aliran Major bagi Muzik Moden dan Jazz
 - i) instrumental
 - ii) vokal
 - iii) kibod
 - iv) organ

**2. Modul Teknologi Instrumental
(Aliran Major pembuatan Alat Muzik**

Modul ini memberi penekanan kepada pemuliharaan dan pembuatan alat pergendangan Melayu, alat bertali, alat tiupan dan sistem talaan bunyi bagi gong bertombol.

**3. Modul Muzik Kreatif
(Aliran Major Gubahan dan Komposisi)**

Modul ini memberi penekanan kepada teknik penulisan skor, rythm section, analisis skor dan komposisi.

**4. Modul Teknologi Muzik
(Aliran Major Midi Sequencing)**

Modul ini memberi penekanan kepada teori Sistem MIDI dan Sekuan serta notasi muzik (manual dan komputer).

Pelajar didedahkan kepada aspek praktikal dalam mengaplikasikan teori bagi meningkatkan explorasi dan kreativiti pelajar.

**** semua modul ini dimantapkan dengan kursus-kursus teori, ensembel, bengkel, latihan pendengaran, sejarah, teknik-teknik improvisasi dan komposisi disamping kelas individu(one to one) bagi alat muzik utama dan alat muzik kedua.*



TENAGA PENGAJAR PROGRAM MUZIK SESI AKADEMIK 2001/2002

- | | |
|---|--|
| 1. Encik Ramlan bin Mohd Imam | 20. Encik Ayob Bin Ibrahim |
| 2. Puan Raja Nor Sheela binti Raja Azidin | 21. Encik Kevin Koid |
| 3. Dr. Takahisa Ota | 22. Encik Amir Bin Al Rashid |
| 4. Encik Nik Mustapha Bin Nik Salleh | 23. Encik Abdul Rahim Jantan |
| 5. Puan Ng Mei Fong | 24. Cik Karen Choy |
| 6. Cik Yong Joh Lin | 26. Encik Mohd Khair Latiff |
| 7. Cik Syafinaz Bin Selamat | 27. Encik Mohd Roni |
| 8. Cik Khaifiza Bin Abdul Halim | 28. Encik Mustapha Fuzer Nawi |
| 9. Tuan Hj. Fadzil Ahmad | 29. Puan Dahlia Tan Bin Abdullah |
| 10. Encik Rosdan Bin Abbas | 30. Encik Ibrahim Bin Senik |
| 11. Encik James Philip Sheng Boyle | 31. Encik Raja Iskandar Bin Raja Halid |
| 12. Encik Jeffrey Yong Chin Hoe | 32. Encik Nawi Jusoh |
| 13. Encik Rahbeni Bin Mutaal | 33. Encik Isyam Swardy Daud |
| 14. Encik Aznul Haidi Bin Mohd Azmi | 34. Cik Wong Poh Lee |
| 15. Encik Hamdan Bin Adnan | 35. Cik Shireen Jasin Mokhtar |
| 16. Encik Zahid bin Ahmad | 36. Encik Alexander Artamanov |
| 17. Encik Mohd. Amri Bin Mohd Zain | 37. Encik Mohd. Kamarulbahri Husin |
| 18. Encik Othman Bin Abdullah | 38. Cik Audrey P.S. Kan |
| 19. Cik Ng Yuet Sum | |

AKTIVITI PROGRAM MUZIK

SEPTEMBER 2001

10 - 14

BENKEL APRESIASI SENI MUZIK TRADISIONAL MELAYU

Tempat : Akademi Seni Kebangsaan

Satu eksplorasi mengenai elemen-elemen dalam muzik tradisional Melayu - ghazal, muzik asli dan keroncong.

Terbuka kepada orang ramai. Penyertaan adalah terhad.

Tarikh tutup permohonan 5 September 2001.

Yuran penyertaan : RM 50.00 (wakil KKKP/agensi/IPT)

RM 75.00 (orang perseorangan)

(Yuran merangkumi nota bengkel dan makan minum sepanjang bengkel)

15 - 16

PERSEMBAHAN MUZIK TRADISIONAL MELAYU

Tempat : Auditorium Mini, Pusat Pelancongan Malaysia

Tiket RM 10.00 * RM5.00 (pelajar)

OKTOBER 2001

08 - 12

BENKEL RENTAK DAN GERAK

Tempat : Akademi Seni Kebangsaan

Bengkel yang menggabungkan elemen-elemen muzik tradisi daripada dua genre yang berbeza melalui penggunaan alat muzik tradisional (muzik melayu/jawa/bali) dan moden dalam berbagai gerak ataupun movement. Bengkel ini akan diikuti dengan persembahan

"Pick-Up-the-Pieces"

OKTOBER 2001

28

AKTIVITI PROGRAM MUSIK

oleh peserta-peserta bengkel dan Kumpulan Komunitas Seni "Kua Etnika" yang diketuai oleh Djaduk Ferianto dari Yogyakarta, Indonesia.

Gamelan Melayu * Gamelan Bali * Gamelan Jawa * Tak Lempong * Alat Muzik Sarawak * Alat Muzik Sabah * Alat Muzik Cina * Alat Muzik India

Terbuka kepada orang ramai. Penyertaan adalah terhad.
Tarikh tutup permohonan 5 Oktober 2001.
Yuran penyertaan : RM 50.00 (wakil KKKP/agensi/IPT)
RM 75.00 (orang perseorangan)

13 - 14

PERSEMBAHAN RENTAK DAN GERAK

Tempat : Auditorium Besar, Pusat Pelancongan Malaysia

Tiket RM 30.00 * RM10.00 (pelajar)

OKTOBER 2001

OKTOBER 2001